

3,000 penduduk bertaruh nyawa

Terpaksa ambil risiko tinggal di flat yang uzur dan daif, tuntutan kerajaan negeri bela nasib mereka

MARLIA ZAKARIA

PELABUHAN KLANG - Kerajaan negeri didakwa gagal mentadbir apabila kira-kira 3,000 penduduk di lapangan buah flat di Taman Kem terpaksa ambil risiko berikutan terpaksa tinggal di flat yang uzur dan daif.

Menerusi pemerhatian *Sinar Harian*, jelas kelihatan bumbung di beberapa buah blok flat tercabut hingga boleh membahayakan nyawa penduduk.

Wakil penduduk, Mohd Shawal Sabtu berkata, aduan telah dibuat kepada pihak berkaitan sejak lapan tahun lalu namun tiada sebarang respons diperolehi.

"Penduduk dah kemukakan pelbagai permohonan tapi masih belum dapat sebarang bantuan. Kerajaan negeri perlu ber-

tanggungjawab seperti yang dituar-arkan iaitu sebagai negeri berkeadilan.

"Tu hanya omong kosong, pandai berjanji tapi tak tunaikan. Hampir sembilan tahun mohon bantuan tapi tak ada wakil kerajaan negeri yang turun bela nasib penduduk di sini termasuk Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Pengerusi Badan Jawatankuasa Bertindak Taman Kem yang juga penduduk, Mohd Nazir Wahid, berkata, dia dan penduduk lain tidak sanggup lagi menanggung azab tinggal di flat terbabit.

"Flat ni dah 36 tahun, dah teruk. Apatah lagi mereka yang duduk di tingkat atas yang terdedah kepada bahaya terutamanya ketika hujan lebat. Risau juga yang lalu lalang sebab bumbung selalu tercabut.



Sheikh Rajesh (tengah), bersama sebahagian penduduk yang menuntut kerajaan negeri turun padang membela nasib mereka yang telah menghuni flat tersebut sejak 36 tahun lalu.

"Takkan nak tunggu ada kematian baru nak ambil tindakan? Kami mahu kerajaan negeri buka mata kerana kami perlukan pembelaan," katanya.

Seorang penduduk warga emas, Aminah Jamaludin, 70, memberitahu bahawa rumahnya pernah dibanjiri air ekoran bumbung rumah tercabut disebabkan ribut.

"Makcik duduk blok E di tingkat paling atas. Pernah dulu balik dari Johor, makcik tengok habis bumbung terbuka dan banjir yang berbau busuk.

"Terpaksa jugalah keluar modal sendiri RM500 untuk betulkan. Jumlahnya sangat besar pada makcik,"

katanya yang tinggal bersama seorang anak, menantu dan dua cucu.

Tunggu bantuan disalurkan KPKT

Isu ini telah dibangkitkan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Pertubuhan Aduan Masyarakat dan Pengguna Selangor (PAMPS) dengan kerjasama beberapa NGO lain seperti Pertubuhan Intergrasi Nasional dalam usaha membantu menyelesaikan masalah penduduk di situ.

Sementara itu, Timbalan Ketua Umno Bahagian Klang, Datuk Sheikh Rajesh Ahmad berkata, perkara tersebut telah pun di-



Bukan sahaja masalah bumbung, penduduk flat Taman Kem juga terpaksa berdepan dengan masalah kebersihan seperti saliran dan kemudahan yang tidak sempurna.

rujuk kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan dimaklumkan bahawa bantuan akan disalurkan dalam masa terdekat.

"Saya kemukakan masalah ini kepada Tan Sri Noh Omar selaku Menteri KPKT kerana saya lihat keadaan per-

sekitaran sangat daif. Beliau akan tumunkan selepas pulang daripada menunaikan ibadah haji nanti.

"Saya dan NGO-NGO merayu agar kerajaan negeri buka mata, jangan sedap duduk di kerusi empuk tapi tak lihat kawasan. Mana pergi peruntukan yang disalurkan?" soalnya.



Sheikh Rajesh (kiri) menunjukkan unit kosong terlar dipenuhi sampah sarap dan kayu berpaku daripada bumbung yang tercabut.

Aplikasi penunjuk jalan eDrive DBKL jadi tanda tanya

KUALA LUMPUR - Aplikasi penunjuk jalan yang dibangunkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), eDrive DBKL yang dilancarkan pada bulan lalu, telah menjadi tanda tanya baharu kepada DAP.

Setiausaha DAP Kuala

Lumpur, Lim Lip Eng berkata, pihaknya meragui berhubung kos membangunkan aplikasi tersebut yang menelan belanja RM2.9 juta.

"Mengapa aplikasi ini menelan duit rakyat dengan begitu banyak sekali. Kita ada aplikasi navigasi lain seperti Waze dan Google Maps yang boleh dimuat turun secara percuma.

"Bagi DAP, ini adalah pelaburan yang membazirkan. Malah, aplikasi ini tidak akan menunjukkan kesesakan lalu lintas serta anggaran masa untuk pengguna sampai

ke lokasi yang sudah ditetapkan," katanya semasa sidang media di ibu pejabat DAP Malaysia, semalam.

Sehubungan itu, beliau telah membuat laporan rasmi kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kelmarin, kerana mengesyaki kos mencipta eDrive DBKL lebih tinggi daripada harga yang sepatutnya.

Dalam pada itu, Naib Presiden Kebangsaan DAP, Teresa Kok pula berkata, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mhd Amin Nordin Abd Aziz digesa untuk memberikan penjelasan sama ada tender bagi mencipta eDrive DBKL kepada syarikat dijalankan secara tender ter-



Lim (kiri) dan Teresa (dua, kiri) semasa sidang media membangkitkan isu eDrive DBKL di ibu pejabat DAP Malaysia, semalam.

buka atau e-bidding.

"Kami dapati semakin banyak projek di bawah DBKL tidak melalui proses tender terbuka. Seperti contoh, parkir di tepi jalan di Kuala Lumpur, DBKL telah beri projek ini kepada salah sebuah anak syarikat

Yayasan Wilayah Persekutuan tanpa tender terbuka.

"Saya telah bawa isu ini ke mahkamah untuk semakan kehakiman (judicial review). Saya harap SPRM akan menyiasat isu eDrive DBKL ini," ujarnya.

